

# Syarikat kurang lima pekerja laksana gaji minimum Januari 2023

Langkah beri peluang majikan buat persediaan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Penguatkuasaan gaji minimum RM1,500 kepada majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja adalah pada 1 Januari depan.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, berkata penangguhan kuat kuasa gaji minimum kepada majikan berkenaan bertujuan memberi peluang kepada mereka untuk membuat persediaan.

"Oleh itu, bagi tempoh 1 Mei hingga 31 Disember ini kadar gaji minimum yang terpakai (untuk

majikan kurang lima pekerja) ialah seperti Perintah Gaji Minimum (PGM) 2020, iaitu RM1,200 sebulan bagi tempat pekerjaan di kawasan Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran serta dan RM1,100 sebulan bagi kawasan lain," dalam kenyataan semalam.

Dalam kenyataan sama, Saravanan menegaskan kerajaan memutuskan tiada penundaan diberikan kepada mana-mana sektor ekonomi atau jenis pekerjaan memandangkan kerajaan sudah memberi bantuan kepada majikan melalui pakej bantuan COVID-19 seperti Program Subsidi Upah yang berupaya mengekalkan perniagaan dan pekerjaan.

"Ini juga bagi memastikan pekerja mendapat manfaat daripada peningkatan gaji minimum," katanya.

Pada Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan kelulusan pelaksanaan gaji minimum

RM1,500 di seluruh negara bermula 1 Mei ini.

Ismail berkata, pelaksanaan itu dibuat selepas mengambil kira kos sara hidup kini yang kian meningkat, sekali gus menekan golongan B40.

Dalam pada itu, Saravanan berkata, bagi majikan mempunyai pekerja lebih lima orang kadar gaji minimumnya kekal berkuat kuasa pada 1 Mei ini.

"Penguatkuasaan itu juga kekal kepada majikan yang menjalankan sesuatu aktiviti profesional yang dikelaskan di bawah Piawalan Pengelasan Pekerjaan Malaysia (*Malaysia Standard Classification of Occupations, MASCO*) 2020.

"Ia termasuklah bidang profesional sains dan kejuruteraan; kesihatan; perguruan; perniagaan dan pentadbiran; teknologi maklumat dan komunikasi; pendidikan; perkhidmatan hospitaliti dan yang berkaitan; sosial dan kebudayaan dan badan pe-

ngawalaturan tanpa mengira jumlah pekerja yang digajikan," katanya.

Dalam pada itu, Saravanan turut memaklumkan pihaknya turut memperincikan dalam PGM 2020 mengenai kadar gaji minimum harian dan jam serta kadar gaji bagi pekerja yang tiada gaji pokok, tetapi dibayar melalui tugas dan produktiviti seperti komisen, upah ikut kerja (piece rate).

"Pelaksanaan gaji minimum ini tidak terpakai kepada pekhidmat domestik seperti mana PGM terdahulu. Penguatkuasaan gaji minimum akan dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

"Bagi gaji Pechidmat Domestik Indonesia (PDD), ia akan dibayar tidak kurang daripada kadar gaji minimum yang sedang terpakai di negara ini seperti yang dipersejajuti dalam Memorandum Persefahaman Berhubung Pengam-

Penangguhan kuat kuasa gaji minimum kepada majikan itu bertujuan memberi peluang kepada mereka untuk membuat persediaan

M Saravanan,  
Menteri Sumber  
Manusia



bilan dan Perundangan Pechidmat Domestik Indonesia di Malaysia yang ditandatangani pada 1 April 2022.

"Sehubungan itu, semua majikan diminta mematuhi pelaksanaan gaji minimum baharu ini," katanya.

Kerajaan menjangkakan peningkatan gaji minimum ini akan memberi impak positif kepada negara, majikan dan pekerja akan membantu mempercepat pemulihan ekonomi negara akibat pandemik.

"Peningkatan gaji minimum juga membantu mencapai hasrat Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2030. Selain itu, kadar gaji minimum ini adalah wajar bagi memastikan kebajikan pekerja, terutama yang berpendapatan rendah terpelihara.

"Malah, pihak majikan juga akan mendapat manfaat dari pada peningkatan kuasa beli pengguna," katanya.